

Waspada muslihat media Barat: PM

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat berwaspada terhadap pengaruh dan penguasaan media antarabangsa oleh sekumpulan kecil pemodal Barat kerana ia boleh menguasai pemikiran, sikap dan budaya masyarakat.

Menurut Perdana Menteri, media terutamanya televisyen berpengaruh dalam masyarakat.

"Dengan penguasaan oleh orang tertentu dari Barat, pemikiran, sikap dan budaya kita boleh dikuasai oleh mereka.

"Jika tidak berhati-hati,

kita mungkin dipengaruhi oleh mereka untuk membinasakan diri kita sendiri," katanya dalam perutusan Aidilfitri melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), malam ini.

Dr Mahathir berkata, apa yang dihuraikannya itu adalah hasil maklumat dan kajian. Penjajahan secara langsung sudah tamat, tetapi sifat dan hasrat yang ada pada penjajah masih kekal.

"Jika ada sahaja peluang, mereka akan menjajah semula," katanya.

Menurutnya, kerajaan tidak menuntut apa-apa yang luar biasa kecuali

ingin berdiri sama tinggi dengan orang lain dan rakyat perlu berhati-hati.

"Kita juga harus berusaha bersungguh-sungguh membangunkan negara secepat mungkin. Kita bukan menuntut kekayaan di dunia ini kerana nafsu. Kita menuntut kejayaan untuk mempertahankan maruah bangsa kita. Kita tidak rela dipandang rendah dan dihinakan oleh sesiapa," katanya.

Dr Mahathir berkata, penghormatan tidak akan diperolehi semata-mata kerana manusia perlu sa-

LIHAT MUKA 2

Waspada muslihat media Barat: Dr Mahathir

DARI MUKA 1

ling menghormati.

Menurutnya, adalah menjadi naluri manusia untuk memandang rendah serta menindas orang yang daif dan miskin.

Beliau berkata, hakikat itu perlu difahami oleh umat Islam di negara ini, terutama penindasan dan penghinaan yang dihadapi

pi oleh kebanyakan umat Islam kerana lemah dan miskin.

"Mereka bukan sahaja miskin di segi wang ringgit, tetapi juga ilmu pengetahuan, kecekapan, teknologi dan kebijaksanaan mentadbir.

"Sementara kita mengecam ketidakadilan orang lain, kita tidak mungkin dapat menukar sikap dan tindakan mere-

ka kerana kecaman kita. Sebaliknya, jika kita sedar akan sifat yang melemahkan kita, kita boleh bertindak mengubahnya. Inilah yang harus kita buat," katanya.

Perdana Menteri meminta umat Islam supaya bersyukur kerana selamat menjalankan ibadat puasa serta menyambut Aidilfitri dalam keadaan aman dan tenteram.

"Kita seharusnya ber-

syukur kerana walaupun daripada pelbagai kaum dan agama, kita sentiasa dilindungi Allah dan dapat hidup berharmoni, bersefahaman serta saling menghormati antara satu sama lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, tiada sebab rakyat tidak bersyukur kerana dapat menyempurnakan puasa dan ibadah lain tanpa sebarang masalah besar.

Katanya, kezaliman dan

huru-hara yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, Palestin dan Somalia tidak melanda negara ini.

"Jika saya kerap menengulangi tema kesyukuran ini, sebabnya ialah kerana terdapat ramai yang kerap merungut mengenai masalah kecil yang terpaksa mereka hadapi dan lupa nikmat yang besar seperti kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara kita," katanya.